


## Exco Pahang terlibat kemalangan

Oleh AZIZAH SHAFIEI, 25 Oktober 2022, 10:50 pm



KEADAAN kenderaan dipandu Norolazali Sulaiman selepas terbabas di Kilometer 49.6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak di Bentong, Pahang.

**BENTONG:** Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan negeri, Datuk Seri Norolazali Sulaiman berdepan detik cemas selepas kereta dipandunya hilang kawalan lalu melanggar pembahagi jalan dan berpusing sebelum berhenti di tengah jalan.

Kejadian kira-kira pukul 4.30 petang di Kilometer 49.6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak itu berlaku ketika beliau dan keluarga dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kuantan.

Ketika ditemui, Norolazali berkata, semasa kejadian, beliau bersama isteri dan dua anak dalam perjalanan ke Kuantan selepas menjenguk anak sulungnya di Selangor.

“Tiba di lokasi kejadian, saya hilang kawalan kerana hujan, jalan licin menyebabkan kereta melanggar pembahagi jalan, kemudian berpusing dan berhenti di tengah jalan.

“Alhamdulillah, kami semua selamat dan hanya mengalami kecederaan ringan,” katanya. Katanya, pada masa yang sama, sebuah kenderaan jenis Toyota Innova telah melanggar bahagian belakang kereta jenis Honda CRV yang dipandunya.

Katanya, dia difahamkan, pemandu Toyota Innova berkenaan tidak mengalami cedera, namun kedua-dua kenderaan mengalami kerosakan. – **UTUSAN**